
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

YSW 531 – Penulisan Promosi Sains Dan Alam Sekitar

Masa : 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Kerajaan Malaysia menggalakkan penggunaan gas asli sebagai sumber tenaga alternatif. Anda adalah pengamal perhubungan awam sebuah syarikat pengangkutan awam terkemuka yang akan menyahut seruan kerajaan dengan menggunakan gas asli untuk semua jenis pengangkutan yang digunakannya. Di samping mengurangkan kos petrol dan diesel yang meningkat, tindakan ini juga adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat karbon monoksida dari asap kenderaan yang menjejaskan kualiti udara dan alam sekitar serta membunuh tumbuh-tumbuhan di sepanjang jalan.

Sebagai pengamal perhubungan awam, anda perlu melakukan tugas-tugas berikut:

- i. Menulis kertas posisi (*position paper*) untuk menyatakan pendirian syarikat tersebut terhadap pemeliharaan alam sekitar dan penggunaan gas asli. Sediakan tajuk, paragraf pembukaan dan rangka isi kandungan kertas posisi ini untuk menyokong tindakan syarikat.
 - ii. Sediakan siaran berita (*press release*) untuk akhbar tempatan dari kertas posisi di atas untuk mengumumkan rancangan tersebut.
-
2. Pembangunan dan alam sekitar sering berkonflik kerana alam sekitar dianggap sebagai penghalang kepada pembangunan. Kemunculan konsep pembangunan lestari (*sustainable development*) dianggap sebagai paradigma baru yang dapat mententeramkan konflik antara kepentingan alam sekitar dan kepentingan pembangunan. Bincangkan kenyataan di atas dengan contoh-contoh yang sesuai.

 3. Peruntukan undang-undang diperlukan untuk mengurus alam sekitar dengan baik. Namun keberkesanan undang-undang ini bergantung kepada nilai dan budaya sesuatu masyarakat itu. Bincangkan.